

PERSEPSI PELAJAR BUKAN PENUTUR NATIF DALAM PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU

Siti Nor Hamahida Zainal
Universiti Sains Malaysia
e-mel: hamahida@usm.my

Rosaida Abdul Kadir
Universiti Sains Malaysia
e-mel:rosaida@usm.my

Julie Azita Mohd Rosli
Universiti Sains Malaysia
e-mel:julie@usm.my

ABSTRAK

Persepsi pelajar bukan penutur natif dalam pembelajaran bahasa Melayu bervariasi bergantung pada pelbagai faktor seperti latar belakang individu, pengalaman sebelumnya dengan bahasa sasaran, dan faktor sosial dan budaya. Penutur bukan natif ialah seseorang yang menggunakan bahasa yang bukan bahasa ibunda atau bahasa asli mereka. Mereka mempelajari dan menggunakan bahasa tersebut sebagai bahasa kedua atau bahasa asing. Penutur bukan natif berasal daripada pelbagai latar belakang, budaya, dan negara. Kebiasaannya mereka memiliki pengetahuan dan keterampilan berbahasa yang lebih terbatas jika dibandingkan dengan penutur asli bahasa tersebut. Namun, penutur bukan natif dapat memiliki kecenderungan kemahiran yang sangat baik dalam bahasa tersebut dengan adanya dedikasi, latihan, dan pengalaman yang memadai dalam penggunaan bahasa sasaran. Sehubungan itu, kajian ini memberikan tumpuan terhadap persepsi pelajar bukan penutur natif dalam pembelajaran bahasa khususnya pembelajaran bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia. Kajian ini bertujuan mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan tahap kesukaran pelajar bukan natif dalam mempelajari bahasa Melayu. Berdasarkan faktor tersebut, kajian ini juga akan menyorot langkah-langkah untuk mengatasinya. Hasil kajian ini diharapkan dapat membantu tenaga pengajar dan pelajar, iaitu dalam kalangan bukan penutur natif memahami dan mempelajari bahasa Melayu dengan lebih efektif.

Kata Kunci: pelajar bukan penutur natif, pembelajaran bahasa, persepsi.

1. Pengenalan

Bahasa Melayu ialah kursus wajib lulus untuk pengijazahan pelajar di Universiti Sains Malaysia (USM). Untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran kursus ini, pelajar perlu mempunyai sikap yang positif terhadap bahasa tersebut. Sikap positif dan persepsi yang tinggi terhadap sesuatu bahasa juga merupakan faktor penting dalam pelestarian sesuatu bahasa (Tay Meng Guat & Wong Shia Ho:2016). Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, persepsi bermaksud gambaran atau bayangan dalam hati atau fikiran (tentang sesuatu), pandangan (menerusi pancaindera) dan tanggapan. Matlamat pengajaran bahasa Melayu di USM menekankan aspek penguasaan dan penggunaan tatabahasa bahasa Melayu yang lebih baik dalam kalangan pelajar. Hal ini bertujuan supaya pelajar dapat menggunakan tatabahasa yang betul dalam penulisan dan komunikasi. Oleh hal yang demikian, penggunaan bahasa tersebut selaras dengan slogan “Biasakan yang betul, Betulkan yang biasa”.

2. Metodologi kajian

Pendekatan kuantitatif digunakan untuk kajian ini. Kajian kuantitatif ialah kajian yang menggunakan maklumat atau data yang bersifat kuantitatif. Kajian ini diukur dengan menggunakan borang soal selidik yang melibatkan responden iaitu pelajar bukan penutur natif dalam pembelajaran bahasa

Melayu. Kajian kuantitatif ini juga memfokuskan peratusan pelajar yang berkongsi maklumat tentang bangsa, tahap kesukaran belajar bahasa Melayu, daya tarikan untuk belajar bahasa Melayu, komponen bahasa Melayu yang sukar, dan cadangan penambahbaikan untuk mempelajari bahasa Melayu.

2.1 Pemilihan sampel kajian

Pemilihan sampel kajian ini melibatkan pelajar bukan penutur natif bahasa Melayu di Universiti Sains Malaysia (USM), iaitu seramai 40 orang pelajar yang sedang atau sudah mengikuti kursus Bahasa Melayu. Sampel kajian diambil melalui borang soal selidik yang diberikan kepada pelajar melalui pautan Google Form . Kajian ini memerlukan pelajar mengisi borang soal selidik yang dihasilkan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan daripada responden iaitu maklumat berkaitan minat pelajar terhadap bahasa Melayu dan cadangan pelajar untuk meningkatkan minat mereka terhadap pembelajaran bahasa Melayu.


3. Perbincangan

Kajian ini berpotensi untuk menjadikan Bahasa Melayu sebagai mata pelajaran yang diminati oleh semua pelajar yang mengikutinya. Selain itu, kajian ini penting khususnya kepada guru-guru bahasa Melayu untuk mengetahui minat pelajar terhadap pembelajaran bahasa Melayu berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh pelajar. Seterusnya, guru bahasa Melayu dapat menyusun strategi yang tepat dan menarik dalam pengajaran dan pembelajaran mereka.

3.1 Dapatan kajian

Jumlah responden adalah bergantung pada ruang lingkup serta tujuan kajian (Asmah Haji Omar, 2008, p.56-57) Oleh hal yang demikian, responden dalam kajian ini dipilih berdasarkan bilangan pelajar bukan penutur natif yang mengikuti kursus Bahasa Melayu. 40 responden yang memberikan kerjasama terhadap kajian ini.


Data yang diperoleh dapat dijelaskan melalui carta di bawah. Carta ini menunjukkan peratusan yang melibatkan jawapan responden terhadap soalan berkenaan persepsi mereka tentang pembelajaran bahasa Melayu.



Carta 1

Berdasarkan Carta 1, 80 peratus terdiri daripada pelajar kaum Cina dan 20 peratus lagi pelajar kaum India. Responden terdiri daripada pelajar yang sedang mengikuti Kursus Bahasa Melayu di USM.


Bahasa Melayu amat susah dan sukar dipelajari.
40 responses



Carta 2

Berdasarkan Carta 2, jelas menunjukkan bahawa pelajar mengatakan bahasa Melayu tidak sukar dipelajari. Hanya 30 peratus pelajar yang mengatakan mempelajari bahasa Melayu adalah sukar. Oleh itu, berdasarkan dapatan ini pengkaji dapat merumuskan pelajar tidak mengalami kesukaran mempelajari bahasa Melayu oleh sebab pada dasarnya mereka telah mempelajari bahasa Melayu sejak peringkat sekolah rendah lagi.


Saya belajar bahasa Melayu kerana bahasa Melayu mata pelajaran wajib sahaja.
40 responses



Carta 3


Berdasarkan Carta 3, kebanyakan pelajar memberikan respons mereka hanya belajar bahasa Melayu oleh sebab kursus ini ialah kursus wajib lulus. Jumlah peratusan ini dilihat agak seimbang iaitu sebanyak 42.5% yang bersetuju dan 57.5% tidak bersetuju. Hal ini menunjukkan pelajar masih berminat mempelajari Bahasa Melayu sekiranya kursus ini bukanlah kursus wajib lulus. Dapatan ini boleh dianggap sebagai satu perkara yang positif dalam usaha untuk menarik minat pelajar mempelajari bahasa Melayu.

Komponen kerja kursus LKM400 yang paling sukar dikuasai. (Anda boleh klik lebih daripada satu)
40 responses



Carta 4

Carta 4 pula menunjukkan komponen kerja kursus yang ada dalam Kursus Bahasa Melayu di USM. Antara ketiga-tiga komponen tersebut, dapatan menunjukkan bahawa komponen tatabahasa menjadi komponen yang dianggap paling sukar dikuasai pelajar berbanding karangan dan lisan. Kebiasaannya, apabila pelajar sukar menguasai aspek tatabahasa, maka hal ini secara tidak langsung akan mempengaruhi penulisan karangan dan pembentangan lisan mereka.




Carta 5

Berdasarkan Carta 5 pula, pengkaji telah mengemukakan beberapa faktor yang sering mempengaruhi minat dan kecenderungan pelajar mempelajari serta menguasai bahasa Melayu. Sebanyak 80% pelajar bersetuju bahawa faktor persekitaran yang banyak mempengaruhi minat dan kecenderungan mereka mempelajari bahasa Melayu. Faktor persekitaran tersebut merangkumi tempat tinggal dan suasana kelas. Faktor lain yang mempunyai peratusan tinggi iaitu sebanyak 75% ialah faktor diri sendiri. Motivasi dan minat untuk mempelajari bahasa Melayu sebenarnya bergantung pada pelajar itu sendiri. Faktor lain seperti pengaruh rakan-rakan dan guru juga menjadi faktor yang dapat mempengaruhi minat pelajar mempelajari bahasa Melayu.

Faktor persekitaran (Contoh : iklan / papan tanda dan lain-lain) membantu saya mempelajari bahasa Melayu.

40 responses



Carta 6

Berdasarkan Carta 6, sebanyak 77.5% pelajar bersetuju bahawa faktor persekitaran seperti penggunaan bahasa Melayu pada papan iklan mahupun papan tanda membantu pelajar mempelajari bahasa Melayu yang betul. Oleh itu, pihak yang berkaitan perlulah memainkan peranan penting dalam usaha memastikan penggunaan bahasa Melayu yang betul pada papan tanda atau papan iklan. Hal ini demikian kerana, melalui dapatan ini 77.5% pelajar yang bersetuju faktor ini mempengaruhi mereka mempelajari bahasa Melayu.

Berdasarkan semua faktor yang dikemukakan di atas, pengkaji mencuba mendapatkan cadangan daripada pelajar untuk mengatasi permasalahan tersebut. Cadangan tersebut dapat dilihat dalam jadual di bawah.

Cadangan pelajar
mengadakan kempen jom belajar bahasa melayu
Banyak bercakap, menulis, mendengar serta membuat latihan
Bergaul dengan kawan Melayu atau kawan kaum lain
Berinteraksi dengan menggunakan bahasa melayu
Membuat lebih banyak soalan tahun lepas bagi LKM400
Membuat lebih banyak latihan tatabahasa.
Sering bercakap BM, jangan takut salah
Kelas lebih kerap.Kelas sekali seminggu seolah-olah tidak mencukupi.Saya cadangkan kelasKelas tutorial
Meningkatkan penggunaan bahasa Melayu dalam Universiti
Baca berita bahasa Melayu
Lebih banyak pengajaran tatabahasa boleh dilakukan untuk memantapkan penggunaan bahasa Melayu.
Banyak mendengar berita semasa yang berbahasa Melayu
Sentiasa bercakap bahasa melayu
Banyak membaca buku bahasa Melayu atau karangan .
Membaca novel Bahasa melayu
Banyak membaca dan bertutur dalam bahasa Melayu
Banyak berkomunikasi dengan orang lain dalam Bahasa Melayu
Selalu berkomunikasi dengan orang lain menggunakan Bahasa Melayu
Kerap berkomunikasi dengan rakan berbahasa melayu
Memberi perhatian dalam kuliah dan mengambil nota
menyediakan persekitaran dan suasana yang sesuai untuk memupuk minat pelajar

Jadual 1

Berdasarkan jadual di atas, pengkaji dapat membuat kesimpulan bahawa kebanyakan cadangan yang dikemukakan oleh pelajar merangkumi sikap dan motivasi pelajar dalam usaha mempelajari Bahasa Melayu. Sebagai contoh, pelajar mencadangkan mereka perlu banyak membaca bahan bacaan dalam bahasa Melayu, membuat latihan, memberikan perhatian semasa kuliah dan sering bertutur dalam bahasa Melayu. Hal ini menunjukkan bahawa pelajar sendiri perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mempelajari bahasa Melayu.

Selain itu, terdapat juga cadangan yang perlu diambil perhatian oleh tenaga pengajar Kursus Bahasa Melayu. Sebagai contoh, pelajar mencadangkan jumlah jam pengajaran kursus ini ditambah kerana mereka beranggapan kelas sekali seminggu iaitu dua jam seminggu seolah-olah tidak mencukupi. Terdapat juga cadangan daripada pelajar seperti guru perlu menyediakan persekitaran dan suasana yang sesuai untuk memupuk minat pelajar. Cadangan ini perlu diberikan perhatian oleh guru atau tenaga pengajar kerana persekitaran dan suasana yang sesuai mungkin dapat memberikan motivasi dan menarik minat pelajar. Sebagai contoh, pada era ledakan teknologi maklumat kini, guru atau tenaga pengajar perlu menjadi lebih kreatif supaya pelajar tidak berasa bosan di dalam kelas atau kuliah.

4. Kesimpulan

Sebagai cadangan, kajian lanjutan boleh dibuat dengan melibatkan sampel yang lebih banyak pada masa akan datang untuk memperkukuh dapatan kajian ini. Dapatan kajian ini berguna kepada guru-guru Bahasa Melayu dalam membantu guru-guru tersebut memahami masalah pelajar. Guru-guru juga disarankan agar menggunakan strategi pengajaran yang lebih berkesan supaya Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) BM lebih berkesan dan dapat menarik minat pelajar. Pendekatan yang drastik dan pragmatik harus dilakukan agar masalah yang dialami oleh pelajar bukan penutur natif bahasa Melayu dapat dikurangkan seterusnya dapat memastikan penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia dapat terus dimartabatkan oleh semua pihak .

5. Rujukan

- Asmah Haji Omar, (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan*. (2nd ed.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tay Meng Guat & Wong Shia Ho. (2016). *Minat pelajar bukan penutur natif terhadap pembelajaran Bahasa Melayu: Satu kajian kes*. *Jurnal Penyelidikan IPGK BL Tahun 2016*, 13, 53-63
- Kamus Dewan* (4th ed). (2007) Dewan Bahasa dan Pustaka:Kuala Lumpur.
- <https://prpm.dbp.gov.my/> (akses pada 5 April, 2024)